

16 FEB 2001

TV-Formula

KEMENTERIAN PENERANGAN RANGKA FORMULA KAWAL FILEM BERUNSUR NEGATIF

KUALA LUMPUR, 16 Feb (Bernama) -- Kementerian Penerangan akan merangka satu formula bagi mengurangkan tayangan filem-filem yang berunsur negatif daripada disiarkan di stesen televisyen tempatan, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Khalid Yunus.

Katanya formula berkenaan akan diumumkan kelak setelah mendapat persetujuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata beberapa cadangan bersama stesen televisyen dan radio tempatan telah dikemukakan bagi mengawal penayangan filem Hindi selain membincangkan kesan pengaruh siaran filem tersebut.

"Kami akan susun semula waktu siaran filem Hindi di stesen TV tempatan. Mungkin kita akan buat tiap-tiap stesen hanya akan menyiarkan filem Hindi di hari dan masa yang sama. Namun itu semua masih dalam peringkat cadangan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri mesyuarat bersama wakil-wakil televisyen dan radio tempatan di Angkasapuri hari ini.

Isu penayangan filem Hindi menimbulkan kontroversi apabila stesen-stesen televisyen tempatan kerap menyiar filem tersebut di musim perayaan Hari Raya baru-baru ini.

Majlis Mufti-Mufti Se-Malaysia Rabu lepas menyarankan supaya stesen televisyen di negara ini mengurangkan penayangan filem Bollywood kerana ini banyak menjurus kepada keruntuhan akhlak umat Islam.

Wakil Majlis Mufti-mufti Se-Malaysia, Datuk Seri Harussani Zakaria menyuarakan kebimbangannya terhadap filem Bollywood yang didapati boleh mendorong masyarakat Islam terjebak dengan perlakuan sumbang muhrim akibat pengaruhnya yang kuat apabila kerap ditayangkan di televisyen.

Khalid berkata Kementerian Penerangan sentiasa bersikap terbuka dan menerima sebarang pandangan dan teguran yang diberikan oleh pelbagai pihak.

Beliau berharap formula yang akan dilaksanakan akan menjadi penyelesaian pada kontroversi yang berlaku.

"Saya sendiri mengakui akan kesan negatif yang dibawa oleh filem Hindi ini. Kami di kementerian sentiasa membuat kajian dan penelitian tentang hal tersebut bukan sahaja filem Hindi tetapi juga siaran lain.

"Namun begitu kita tidak boleh memuaskan hati semua pihak. Kami harap dengan formula yang akan diadakan nanti ia akan dapat memperbaiki segala kelemahan yang ada," katanya.

-- BERNAMA

KK HS AKD